



28 September 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Bukit Mendi.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Bukit Mendi telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Bukit Mendi. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 6 rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Felda Gugusan Bukit Mendi.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Bukit Mendi pada 29 hingga 31 Oktober 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh	: 30 Oktober 2018
Masa	: 10.00am-12.00pm
Lokasi	: Pejabat Felda Chemomoi, 28310 Triang, Pahang

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Bkt. Mendi	Pejabat Felda Bukit Mendi, 28320 Triang, Pahang	1933.26	487	Longitude : 102.305902 Latitude : 3.202299
Bkt. Puchong	Pejabat Felda Bukit Puchong, 28300 Triang, Pahang	1810.38	433	Longitude : E 102° 13' 27.3" Latitude : N 3° 17' 13.0"
Mengkuang	Pejabat Felda Mengkuang, 28340 Triang, Pahang	610.84	99	Longitude : 102.39 Latitude : 3.18
Sg. Kemahal	Pejabat Felda Sg. Kemahal, 28310 Triang, Pahang	1758.96	428	Longitude : E 102° 18' 31.3" Latitude : N 3° 12' 14.3"
Chemomoi	Pejabat Felda Chemomoi, 28310 Triang, Pahang	2528.96	555	Longitude : 102.3138 Latitude : 3.1937
Kemasul	Pejabat Felda Kemasul, 28310 Triang,Pahang.	2090.79	449	Longitude : 102°14'34.9"E Latitude : 03°14'38.1"N

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Bukit Mendi terdiri daripada:



- i) **En. Mohd Rizal Bin Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial)
- ii) **En. Wan Mohammad Azlan** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar)
- iii) **En. Mohd Johari Bin Kassim** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini, Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.



Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah Urusan

Pn. Maniza Mamat
Trans Certification International Sdn
Bhd.
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang.
Email: info@transcert.com.my

DAN/ATAU

Auditee:

En. Ahmad Shahrir Ismail

Certification & Due Diligent
FELDA Global Ventures Holdings Berhad
Level 20, Menara Felda, Platinum Park,
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2859 1311
Email : shahrir.i@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Thank you

Maniza binti Mamat
Managing Director

